

BAHASA MELAYU KOMUNIKASI
TINGKATAN SATU
UNIT 6: HOBI MENJANA PENDAPATAN

UNIT 6 Hobi Menjana Pendapatan

Mendengar dan Bertutur

Kek Cawan Kak Lin



Lakonan.

Pengacara: Bilakah puan memulakan perniagaan kek cawan?
Kak Lin: Saya mula berniaga kek cawan sejak dua tahun yang lalu.
Pengacara: Siapakah yang mendorong puan menceburi bidang ini?
Kak Lin: Ibu saya yang memberikan dorongan.
Pengacara: Bagaimanakah cara puan memasarkan produk ini?
Kak Lin: Saya memasarkan produk ini secara dalam talian.
Pengacara: Bagaimanakah sambutan orang ramai?
Kak Lin: Sambutan sungguh menggalakkan. Banyak tempahan yang saya terima.
Pengacara: Apakah rancangan puan pada masa hadapan?
Kak Lin: Saya mahu mempelbagaikan produk kek saya sebelum membuka sebuah kafe.
Pengacara: Tahnia! Selamat maju jaya, puan.
Kak Lin: Terima kasih.

1. Apakah jenis perniagaan yang diceburi oleh Kak Lin?

a. Perniagaan roti

b. Perniagaan kek cawan

2. Siapakah yang mendorong Kak Lin menceburi bidang ini?

a. Ayah Kak Lin

b. Ibu Kak Lin

3. Bagaimanakah Kak Lin memasarkan produk kek cawan?

a. Jualan dari rumah ke rumah

b. Secara dalam talian

4. Apakah rancangan Kak Lin pada masa hadapan?

a. Meneruskan pemasaran dan jualan dalam talian


b. Mempelbagaikan produk kek sebelum membuka sebuah kafe.



Membaca

Baca petikan dan berikan maksud perkataan berhuruf tebal.

Minat Membawa Berkat



Kak Lin **minat** membuat kek. Dia membuat kek pelbagai jenis **perisa**. Kak Lin menyediakan kek coklat, kek pandan, kek oren dan kek strawberi. Rasa kek yang dibuat oleh Kak Lin sangat sedap. Ramai **pelanggan** memuji keenakan kek Kak Lin.

Kak Lin menerima banyak **tempahan** daripada orang ramai. Dia berusaha untuk memenuhi **permintaan** pelanggan. Dia mengikuti kursus bakeri untuk meningkatkan kemahiran membuat kek.

Berkat kesabaran dan usaha gigihnya, kini Kak Lin **memiliki** sebuah kedai kek di pusat bandar. Perniagaan Kak Lin semakin **maju**. Ramai orang datang membeli kek di kedainya. Kak Lin turut menerima tempahan **cenderahati** untuk majlis perkahwinan. Dia juga mengendalikan kelas membuat dan menghias kek.

Baca petikan dan kenalpasti maksud perkataan berhuruf tebal.

1. Minat		Pesanan
2. Perisa		Orang yang membeli
3. Pelanggan		Cenderamata
4. Tempahan		Mempunyai
5. Permintaan		Melangkah ke hadapan
6. Memiliki		Rasa tersendiri
7. Maju		Kesukaan kepada sesuatu
8. cenderahati		Sesuatu yang diminta